

05 APR 2001

Pengguna-Hari

HARI AKTA PERLINDUNGAN PENGGUNA DIWARTAKAN JADI HARI PENGGUNA

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) bercadang menetapkan suatu hari pada bulan September sebagai Hari Pengguna Kebangsaan bagi menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya negara mempunyai hari penggunaanya sendiri.

Presidennya Prof Hamdan Adnan berkata exco Fomca pada mesyuaratnya semalam memutuskan untuk memilih tarikh Akta Perlindungan Pengguna 1999 diwartakan pada bulan berkenaan sebagai Hari Pengguna bagi Malaysia.

"Kita telah dimaklumkan bahawa akta itu akan diwartakan September ini, tetapi kita belum tahu tarikhnya secara tepat.

"Kita mahu mengambil sempena hari akta itu diwartakan kerana akta itu merupakan hasil perjuangan hampir 20 tahun pergerakan kepenggunaan negara ini," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Hamdan berkata Perdana Menteri, ketika berucap merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia di sini pada 16 Mac lepas, berkata Malaysia patut mempunyai hari pengguna sendiri dalam usaha meningkatkan kesedaran tentang kepenggunaan.

"Dan tiada hari lain yang lebih sesuai daripada hari akta itu diwartakan kerana ia merupakan satu-satunya undang-undang yang secara khusus pengguna dilindungi di bawahnya," kata Hamdan.

Beliau berkata di Korea Selatan, hari pengguna kebangsaannya dipilih berdasarkan tarikh penguatkuasaan Akta Perlindungan Pengguna negara itu.

Hamdan berkata beliau berharap semua pihak termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan memberi kerjasama dalam mengiktiraf dan menyambut hari berkenaan sebagai Hari Pengguna Kebangsaan.

Katanya Akta Perlindungan Pengguna 1999 juga membawa makna yang besar kepada kementerian berkenaan kerana akta itu memantapkan lagi kuasanya dalam memberi perlindungan kepada pengguna.

Hamdan juga berharap segala teguran Fomca terhadap kementerian itu sebelum ini dianggap positif untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak.

"Kita harap segala teguran kita terhadap kementerian bukanlah untuk menimbulkan sebarang kekesalan di pihak mereka tetapi untuk menggalakkan kerjasama demi faedah pengguna,"katanya.

--BERNAMA

ZS ZS NAK